

'JANGAN ABAI FAKTOR TERAJU PROJEK'

KUALA LUMPUR,
Ahad — Perdana Menteri hari ini mengkritik setengah syarikat Bumiputera yang hanya mementingkan keuntungan tanpa mengambil berat faktor pengurusan yang boleh diperolehinya melalui projek usahasama.

Beliau membidas syarikat-syarikat yang hanya ingin mendapatkan keuntungan maksimum tanpa mahu mengeluarkan modal atau menggunakan pekerja-pekerjanya sendiri untuk menjalankan kerja itu bersama-sama.

Katanya, syarikat-syarikat ini menetapkan keuntungannya terlebih dulu dan mahukan jaminan bahawa ia tidak akan rugi.

"Ketika berunding, syarikat itu menentukan ia mahukan keuntungan lima peratus atau \$10 juta atau \$100 juta. Apa yang diberatkan ialah jaminan bahawa ia tidak akan rugi," tegas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan tindakan itu sebagai 'tidak bijak'.

"Kalau sudah dapat \$5 juta, \$10 juta atau \$100 juta, kita sudah goyang kaki, tentu kita tidak mendapat faedah dari pemindahan teknologi.

"Walaupun cara ini menguntungkan tetapi kecekapan pengurusan yang diharapkan tidak akan tercapai."

Beliau menyatakan demikian di pelancaran Taman Shamelin Perkasa di Cheras yang dilaksanakan secara usahasama oleh Shamelin dan It-un-dal dari Korea Selatan.

Beliau juga menyelar peniaga-peniaga Bumiputera yang menjual barang tidak mengikut mutu yang dijanjikan dan tidak sampai pada masa yang ditetapkan, menyebabkan kepercayaan kepada mereka terhapus.